

## PRODUCT DISCLOSURE SHEET

### HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in the Mortgage Reducing Term Takaful. Be sure to read the general terms and conditions.

*Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Mortgage Reducing Term Takaful. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat.*



Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("HLM Takaful")

HLM Takaful Mortgage Reducing Term Takaful

Takaful Gadai Janji Pengurangan Tempoh HLM Takaful

DD-MM-YYYY

#### 1. What is this product about?

##### **Apakah produk ini?**

HLM Takaful Mortgage Reducing Term Takaful is a group Family Takaful protection plan designed to provide You with lump sum Benefit payment upon Death or Total Permanent Disability (TPD) within the term of coverage.

*Takaful Gadai Janji Berkelompok HLM Takaful adalah sebuah pelan perlindungan Takaful Keluarga berkelompok yang direka untuk memberikan Anda pembayaran Manfaat secara sekaligus sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) semasa tempoh perlindungan.*

#### 2. What are the Shariah concepts applicable?

##### **Apakah konsep-konsep Shariah yang digunakan?**

##### **Tabarru'**

Tabarru' means a certain portion of the contribution that the Participant agrees to donate upon occurrence of events approved by Shariah Committee of the Takaful Operator, thus enabling the Participant to fulfil his/her obligation of mutual help and joint guarantee should any of the fellow participants suffer a defined loss where his/her donation is meant to help others and others' donations are meant to help him/her.

*Tabarru' bermaksud sebahagian daripada sumbangan yang mana Peserta bersetuju untuk menyumbang apabila berlakunya peristiwa yang diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah Pengendali Takaful, dengan itu membolehkan Peserta memenuhi tanggungjawabnya untuk saling membantu dan jaminan bersama sekiranya peserta-peserta lain mengalami kerugian yang ditakrifkan di mana sumbangan Peserta adalah untuk membantu peserta-peserta lain dan sumbangan peserta-peserta lain adalah untuk membantunya.*

##### **Iltizam Bi Al-Tabarru'**

Iltizam bi Al-Tabarru' means the commitment to make Tabarru'.

*Iltizam bi Al-Tabarru' bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru'.*

##### **Ju'alah**

Ju'alah means an agreement in which the Participant agrees to reward the Takaful Operator for its achievement or good performance in managing the PRF that leads to surplus.

*Ju'alah bermaksud perjanjian di mana Peserta berjanji untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful atas pencapaian atau prestasi baik Pengendali Takaful dalam menguruskan PRF yang menyebabkan berlakunya lebihan dalam dana tersebut.*

##### **Mudarabah**

Mudarabah means a contract between Participant and Takaful Operator whereby Participant provides the contribution to be managed by Takaful Operator for investment purpose. Any investment profit from the PA investment is to be shared between Participant and Takaful Operator in the ratio of 90:10. In the event of investment loss, the loss will be borne by the Participant provided that such losses are not due to the Takaful Operator's misconduct (ta'addi), negligence (taqsir) or breach of specified terms (mukhalafah al-shurut).

*Mudarabah bermaksud kontrak antara Peserta dan Pengendali Takaful di mana Peserta menyediakan sumbangan untuk diurus oleh Pengendali Takaful untuk tujuan pelaburan. Sebarang keuntungan pelaburan daripada PA akan dikongsi antara Peserta dan Pengendali Takaful dalam kadar 90:10. Sekiranya pelaburan mengalami kerugian, kerugian akan ditanggung oleh Peserta, dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan oleh salah laku Pengendali Takaful (ta'addi), kecuaiian (taqsir) atau pelanggaran terma-terma tertentu (mukhalafah al-shurut).*

##### **Wakalah**

Wakalah means essentially an agent-principal relationship, where the Takaful Operator acts as an agent on behalf of the Participant to manage the Participants' Risk Fund (PRF) and the Participant's Account (PA) on the Participants' behalf and the Takaful Operator earns Wakalah fee for services rendered.

Wakalah bermaksud secara asasnya hubungan ejen-prinsipal, di mana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen bagi pihak Peserta untuk menguruskan Dana Akaun Peserta (PRF) dan Akaun Peserta (PA) bagi pihak peserta dan Pengendali Takaful mendapat Yuran Wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan.

**Qard**

Qard means an interest-free loan provided by Takaful Operator in the event of deficit in the PRF.

Qard bermaksud pinjaman tanpa faedah yang Pengendali Takaful sediakan sekiranya berlaku defisit dalam PRF.

**3. What are the covers/benefits provided?**

**Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?**

No	Benefit / Manfaat	Initial Sum Covered/Jumlah Dilindungi Awal	Description/Penerangan	Takaful Certificate Term/Tempoh Sijil Takaful
1	Death/ Kematian	RM**	In the event of Death of the Participant before the Expiry Date as stated in the Takaful Certificate, the Reducing Sum Covered payable from the PRF and the Account Value (if any) shall be payable to the Master Certificate Holder firstly to offset the outstanding financing with the Master Certificate Holder and the amount in excess, if any, shall be payable to the Participant or lawful executor and administrator or proper claimant (as the case may be), after deduction of the Takaful Operator’s administration charges (a fixed customary, prevailing and reasonable amount) necessary for the particular procedures (if any). <i>Sekiranya berlaku Kematian Peserta sebelum Tarikh Luput seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful, Jumlah Dilindungi Berkurang akan dibayar dari PRF dan Nilai Akaun (jika ada) akan dibayar kepada Pemegang Sijil Induk terlebih dahulu untuk melunaskan baki tertunggak pembiayaan dengan Pemegang Sijil Induk dan jumlah lebihan, jika ada, akan dibayar kepada Peserta atau pentadbir harta pusakanya yang sah atau penuntut yang sesuai (mengikut mana yang berkenaan), selepas menolak caj pentadbiran Pengendali Takaful (suatu jumlah tetap yang lazim, semasa dan munasabah) perlu bagi prosedur tertentu (jika ada).</i>	years/tahun**
2	Total Permanent Disability (TPD) before attaining age 65/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) sebelum berumur 65 tahun	RM** (subject to TPD limit*)	In the event of TPD of the Participant before the Expiry Date as stated in the Takaful Certificate, the Reducing Sum Covered payable from the PRF and the Account Value (if any) shall be payable to the Master Certificate Holder firstly to offset the outstanding financing with the Master Certificate Holder and the amount in excess, if any, shall be payable to the Participant or lawful executor and administrator or proper claimant (as the case may be), after deduction of the Takaful Operator’s administration charges (a fixed customary, prevailing and reasonable amount) necessary for the particular procedures (if any). <i>Sekiranya berlaku TPD kepada Peserta sebelum Tarikh Luput seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful, Jumlah Dilindungi Berkurang akan dibayar dari PRF dan Nilai Akaun (jika ada) akan dibayar kepada Pemegang Sijil Induk terlebih dahulu untuk melunaskan baki tertunggak pembiayaan dengan Pemegang Sijil Induk dan jumlah lebihan, jika ada, akan dibayar kepada Peserta atau pentadbir harta pusakanya yang sah atau penuntut yang sesuai (mengikut mana yang berkenaan), selepas menolak caj pentadbiran Pengendali Takaful (suatu jumlah tetap yang lazim, semasa dan munasabah) perlu bagi prosedur tertentu (jika ada).</i>	years/tahun**

\* TPD limit means the current maximum TPD limit for all Total and Permanent Disability benefits payable under all Family Takaful Certificates (including riders) still in force and issued by the Takaful Operator, including this Certificate in respect of the same Participant, on a cumulative basis.

\* Had TPD bermaksud had maksimum semasa TPD untuk semua manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal yang perlu dibayar di bawah semua Sijil Takaful Keluarga (termasuk rider) yang masih berkuat kuasa dan yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful, termasuk Sijil ini berkaitan dengan Peserta yang sama, secara kumulatif.

\*\*Please consult with our representative for the Initial Sum Covered and Takaful Certificate Term

\*\*Sila berunding dengan wakil kami untuk Jumlah Permulaan Perlindungan dan Tempoh Sijil Takaful

Note/ Nota:

Reducing Sum Covered/Jumlah Perlindungan Berkurang

The Reducing Sum Covered amount is reduced in accordance with the pre-determined Sum Covered schedule calculated based on the Initial Sum Covered, profit rate and term of coverage. Please refer to the quotation for Reducing Sum Covered of Your certificate.

Amaun Jumlah Perlindungan Berkurang akan menurun mengikut jadual jumlah perlindungan yang telah ditetapkan yang dikira berdasarkan Jumlah Permulaan Perlindungan, kadar keuntungan dan tempoh perlindungan. Sila rujuk pada sebut harga untuk mengetahui Jumlah Perlindungan Berkurang sijil anda.

Account Value/Nilai Akaun

Account Value means the accumulated balance in the PA.

Nilai Akaun bermaksud baki terkumpul di dalam PA.

Provisional Takaful Coverage/ Perlindungan Takaful Sementara

For cases where the Participant's Single Contribution is wholly or partly incorporated into the financing amount granted by the Master Certificate Holder, the Participant will automatically be provided with provisional Takaful coverage, at no extra cost, for up to a maximum period of twelve (12) months (subject to the Table 1 and Table 2 below) in the event of Death and/or TPD of the Participant pending the Takaful Operator's assessment of the Participant's claims application. For avoidance of doubt, no provisional Takaful coverage will be provided for the circumstances stated in "Exclusions" under the Takaful Certificate. The benefit payable for provisional Takaful coverage is in accordance to the Table 1 and Table 2 below:

Bagi kes-kes di mana Sumbangan Tunggal Peserta dimasukkan, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, ke dalam jumlah pembiayaan yang diberikan oleh Pemegang Sijil Induk, Peserta secara automatik akan diberi perlindungan Takaful sementara, tanpa sebarang kos tambahan, sehingga tempoh maksimum dua belas (12) bulan (tertakluk kepada Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah) sekiranya berlaku kematian dan/atau TPD kepada Peserta, sementara Pengendali Takaful menilai permohonan tuntutan Peserta. Untuk mengelakkan keraguan, tiada perlindungan Takaful sementara akan disediakan untuk keadaan yang dinyatakan dalam "Pengecualian" di bawah Sijil Takaful. Manfaat untuk perlindungan Takaful sementara adalah seperti di Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah:

Commencement Date/ Tarikh Kuatkuasa

This provisional Takaful coverage shall commence from: / Perlindungan Takaful sementara ini hendaklah bermula dari:

(a) The date of issuance of the Takaful Operator's Letter of Acceptance.

Tarikh pengeluaran Surat Penerimaan Pengendali Takaful.

(b) The date the Participant accepted and signed the Takaful Operator's Letter of Offer.

Tarikh Peserta menerima dan menandatangani Surat Tawaran Pengendali Takaful.

**Table/ Jadual 1: First six (6) months of provisional Takaful coverage/ Enam (6) bulan pertama dari perlindungan Takaful sementara**

<p><b>A. Benefit Payable/ Manfaat Dibayar</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Same benefits as stated in the Master Certificate and Sum Covered as stated in the Letter of Acceptance or Letter of Offer signed by the Participant; Manfaat yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Induk dan Jumlah Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Surat Penerimaan Pengendali Takaful atau Surat Tawaran yang ditandatangani oleh Peserta;</li><li>• Subject to the maximum limit of respective benefits as stated in the Master Certificate; and Tertakluk kepada had maksimum setiap manfaat seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Induk; dan</li><li>• No Account Value shall be payable. Tiada Nilai Akaun yang akan dibayar.</li></ul>
<p><b>B. Period of cover/ Tempoh perlindungan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• This Benefits Payable under Table 1, Item A shall automatically cease six (6) months from the Commencement Date of the Provisional Takaful Coverage or on the Entry Date, as stated in the Takaful Certificate, whichever occurs first ("First Half Provisional Takaful Coverage"). Manfaat yang perlu dibayar di bawah Jadual 1, Item A akan terhenti secara automatik enam (6) bulan dari Tarikh Kuatkuasa Perlindungan Takaful Sementara atau pada Tarikh Kemasukan, seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful, yang mana berlaku dahulu ("Perlindungan Takaful Sementara Separuh Pertama").</li><li>• Waiting period is applicable. Tempoh menunggu adalah digunapakai.</li></ul>

**Table/ Jadual 2: Second six (6) months of Provisional Takaful Coverage/ Enam (6) bulan kedua dari Perlindungan Takaful Semula**

<p><b>A. Benefit payable/ Manfaat Dibayar</b></p> <p>1. <u>Letter of Acceptance/ Surat Penerimaan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Same benefits as stated in the Master Certificate, but only as a result of Accident as defined in the Master Certificate, and Sum Covered as stated in the Letter of Acceptance; <i>Manfaat yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Induk, tetapi disebabkan oleh Kemalangan sebagaimana dinyatakan di dalam Sijil Induk, dan Jumlah Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Surat Penerimaan;</i></li> <li>Up to RM 250,000 or Sum Covered, as stated in the Letter of Acceptance, whichever is lower; and <i>Sehingga RM 250,000 atau Jumlah Perlindungan, seperti yang dinyatakan di dalam Surat Penerimaan, yang mana lebih rendah; dan</i></li> <li>No Account Value shall be payable. <i>Tiada Nilai Akaun yang akan dibayar.</i></li> </ul> <p>2. <u>Letter of Offer/ Surat Tawaran</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Subject to the Participant satisfying all terms of the Letter of Offer and the written approval of the Takaful Operator; <i>Tertakluk kepada Peserta memenuhi syarat-syarat dalam Surat Tawaran dan kelulusan bertulis daripada Pengendali Takaful;</i></li> <li>Same benefits as stated in the Master Certificate, but only as a result of Accident as defined in the Master Certificate and Sum Covered as stated in the Letter of Offer signed by the Participant; <i>Manfaat yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Induk, tetapi disebabkan oleh Kemalangan sebagaimana dinyatakan di dalam Sijil Induk, dan Jumlah Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Surat Penerimaan;</i></li> <li>Up to RM 250,000 or Sum Covered, as stated in the Letter of Offer signed by the Participant, whichever is lower; and <i>Sehingga RM 250,000 atau Jumlah Perlindungan, seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran yang ditandatangani oleh Peserta, yang mana lebih rendah; dan</i></li> <li>No Account Value shall be payable. <i>Tiada Nilai Akaun yang akan dibayar.</i></li> </ul>	
<p><b>B. Period of cover/ Tempoh perlindungan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>This Benefits Payable under Table 2, Item A shall automatically cease six (6) months from the expiry date of the First Half Provisional Takaful Coverage or on the Entry Date, as stated in the Takaful Certificate, whichever occurs first. <i>Manfaat yang perlu dibayar di bawah Jadual 2, Item A akan terhenti secara automatik enam (6) bulan dari tarikh tamat Perlindungan Takaful Sementara Separuh Pertama atau pada Tarikh Kemasukan, seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful, yang mana berlaku dahulu.</i></li> </ul>	

Note/ Nota:

This Provisional Takaful Coverage is only applicable for Financed cases./ *Perlindungan Takaful Semula ini hanya untuk kes-kes Dibiayai sahaja.*

**4. How much contribution do I have to pay?**

**Berapakah jumlah sumbangan yang saya perlu bayar?**

The single contribution that you have to pay and the certificate terms may vary depending on HLM Takaful's underwriting requirements:

*Sumbangan tunggal yang anda perlu bayar dan tempoh sijil mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan HLM Takaful:*

The estimated single contribution that you have to pay: <i>Anggaran sumbangan tunggal yang anda perlu bayar adalah:</i>	RM*
Sales & Service Tax (SST) <i>Cukai Jualan &amp; Perkhidmatan (SST)</i>	RM*
<b>Single contribution inclusive of SST</b> <b>Sumbangan tunggal termasuk SST</b>	RM*

\*Please consult with our representative on the single contribution

*\*Sila berunding dengan wakil kami untuk sumbangan tunggal*

**5. What are the fees and charges that I have to pay?**

**Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang saya perlu bayar?**

Type / Jenis	Amount / Jumlah
Wakalah Fee (is inclusive in the single contribution amount) <i>Yuran Wakalah (termasuk dalam jumlah sumbangan tunggal)</i>	30.00 % of Single Contribution (Inclusive of 10.00% Commission) <i>30.00% daripada Sumbangan Tunggal (Termasuk 10.00% Komisen)</i>

Surrender Charge (upon surrender of your Takaful Certificate) <i>Caj Serahan (apabila anda membatalkan Sijil Takaful)</i>	RM 50.00 <i>RM 50.00</i>
Stamp Duty/Duti Setem	RM 10.00 (borne by Master Certificate Holder). <i>RM 10.00 (ditanggung oleh Pemegang Sijil Induk).</i>
Sales & Service Tax (SST) <i>(Cukai Jualan &amp; Perkhidmatan (SST))</i>	6.00% of Single Contribution <i>6.00% of Sumbangan Tunggal</i>

## 6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

### **Apakah terma dan syarat-syarat utama yang saya perlu tahu?**

- Pre-contractual Duty of Disclosure - You have a duty to disclose all material facts, including but not limited to medical condition and state your age correctly. You have a duty to disclose any relevant information that you know or are expected to know to the best of your knowledge and in good faith.  
*Kewajipan Pendedahan Pra-Kontrak - Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan semua fakta material, termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan perubatan dan nyatakan umur anda dengan betul. Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan yang anda tahu atau dijangka untuk mengetahui dengan sebaik-baik pengetahuan anda dan dengan niat baik.*
- Free look period - you may cancel your certificate by returning the certificate within 15 days after the certificate has been delivered to you. The Takaful Operator will refund the full contribution paid less deduction of medical examination fees incurred by the Takaful Operator.  
*Tempoh bertenang - anda boleh membatalkan sijil anda dengan memulangkan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Pengendali Takaful akan memulangkan semua sumbangan setelah ditolak yuran pemeriksaan perubatan yang ditanggung Pengendali Takaful.*
- You should satisfy Yourself that the plan serves Your needs and that You can afford the contribution.  
*Anda perlu meyakinkan diri anda bahawa pelan ini memenuhi keperluan dan sumbangan yang dikenakan adalah mengikut kemampuan anda.*
- Your contribution after deducting Wakalah Fee shall be allocated into PRF based on Iltizam bi Al-Tabarru' concept.  
*Sumbangan anda setelah ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke PRF berdasarkan konsep Iltizam bi Al-Tabarru'.*
- Any surplus from PRF shall be distributed between you and us in the ratio of 50:50. We are entitled to the surplus based on the Shariah principle of Jua'la.  
*Sebarang lebih daripada PRF akan diagihkan antara anda dan kami dalam nisbah 50:50. Kami berhak ke atas lebih berdasarkan prinsip Shariah iaitu Ju'alah.*
- Please keep a copy of the transaction record as proof of contribution payment.  
*Sila simpan satu salinan rekod transaksi sebagai bukti pembayaran sumbangan.*
- It may not be advantageous to switch from one Takaful Certificate to another or from one Takaful Operator to another, as you may be subject to the new terms and conditions of the new Takaful Certificate or Takaful Operator.  
*la mungkin tidak memanfaatkan untuk menukar daripada satu sijil takaful kepada yang lain atau daripada satu pengendali takaful kepada yang lain kerana anda mungkin akan tertakluk kepada terma dan syarat baru untuk Sijil Takaful atau Pengendali Takaful tersebut.*
- You are given a grace period of 90 days from the contribution payment due date. Non-payment of contribution after the grace period may lead to conversion into reduced paid-up certificate or early termination of your coverage, and you cannot reinstate the certificate. Please refer to the Takaful certificate for more details.  
*Anda diberi tempoh ihsan selama 90 hari dari tarikh akhir pembayaran sumbangan. Tidak membayar sumbangan selepas tempoh ihsan boleh menyebabkan penukaran kepada sijil berbayar terkurang atau penamatan awal perlindungan anda, dan anda tidak boleh menguatkuasakan semula sijil tersebut. Sila rujuk Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.*
- It is important that you nominate a person to receive the benefits payable under your certificate and ensure that the nominee is aware of the certificate that you have participated.  
*Adalah penting untuk anda menamakan seseorang untuk menerima manfaat yang dibayar di bawah sijil anda dan memastikan bahawa penama tersebut menyedari tentang sijil yang anda sertai.*  
*Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Takaful Certificate for the terms and conditions under this certificate.*  
*Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat-syarat di bawah sijil ini.*

## 7. What are the major exclusions under this certificate?

### **Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?**

- Suicide - if death result directly or indirectly from suicide within twelve (12) months from the Commencement Date of Takaful Certificate.  
*Bunuh Diri - jika kematian adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Permulaan Sijil.*
- No benefit of the certificate shall be payable if TPD results directly or indirectly from self-inflicted injury while sane or insane and any condition or disability that existed prior to or at the commencement date or any reinstatement date of the certificate, whichever is later.  
*Tiada manfaat sijil akan dibayar jika TPD disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kecederaan yang disengajakan diri ketika waras atau tidak waras dan sebarang keadaan atau hilang upaya yang telah wujud sebelum atau pada tarikh permulaan atau sebarang tarikh pengembalian semula sijil, yang mana kemudian.*

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Takaful Certificate for the terms and conditions under this certificate.

*Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat-syarat di bawah sijil ini.*

**8. Can I cancel my certificate?**

***Bolehkah saya batalkan sijil saya?***

Yes. You can cancel your certificate upon completing repayment of the financing with the Master Certificate Holder before the expiry date of the Takaful Certificate. Upon the Takaful Operator's receipt of the Master Certificate Holder's release letter, the Takaful Operator shall terminate the Takaful Certificate and refund the Account Value (if any), less the Surrender Charge, to the Participant.

*Ya. Anda boleh membatalkan sijil anda selepas penamatan pembayaran balik pembiayaan anda dengan Pemegang Sijil Induk sebelum tarikh akhir Sijil Takaful. Apabila Pengendali Takaful menerima surat pelepasan dari Pemegang Sijil Induk, Pengendali Takaful akan menamatkan Sijil Takaful dan akan membayar semula Nilai Akaun (jika ada), setelah ditolak Caj Serahan, kepada Peserta.*

**9. What do I need to do if there are changes to my contact details?**

***Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?***

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

*Adalah penting untuk anda memaklumkan kami sebarang perubahan pada maklumat perhubungan anda untuk memastikan segala surat menyurat dapat diterima pada masanya.*

**10. Where can I get further information?**

***Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?***

Should you require additional information about Family Takaful, please refer to the insuranceinfo booklet on 'Family Takaful', available at all our branches or you can obtain a copy from the Personal Financing Consultant or visit [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

*Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Keluarga, sila rujuk risalah insuranceinfo pada bahagian 'Takaful Keluarga' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinan daripada Perunding Pembiayaan Peribadi atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)*

**If you have any enquiries, please contact us at:**

***Sekiranya anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:***

Hong Leong MSIG Takaful Berhad

Level 5, Tower B, PJ City Development

No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A

46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Telephone / *Telefon* : +603-7650 1800

Facsimile / *Faks* : +603-7620 6730

Email / *Emel* : [ReachUs@takaful.hongleong.com.my](mailto:ReachUs@takaful.hongleong.com.my)

**11. Other similar types of cover available.**

***Pelan lain yang mempunyai perlindungan yang sama dengan pelan ini.***

Please ask the Master Certificate Holder's Personal Financing Consultant for other similar types of plans offered by Us.

*Sila tanya Perunding Pembiayaan Peribadi Pemegang Sijil Induk untuk pelan yang sama dengan pelan ini yang ditawarkan oleh Kami.*

**IMPORTANT NOTE/NOTA PENTING:**

**PARTICIPATING IN A FAMILY TAKAFUL PLAN IS A LONG-TERM FINANCIAL COMMITMENT. YOU MUST CHOOSE THE TYPE OF CERTIFICATE THAT BEST SUITS YOUR PERSONAL CIRCUMSTANCES. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE TAKAFUL AGENT OR CONTACT THE TAKAFUL OPERATOR DIRECTLY FOR MORE INFORMATION. / PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH SUATU KOMITMEN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG SESUAI DENGAN KEADAAN DIRI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL ANDA DAN BERBINCANG DENGAN AGEN TAKAFUL ATAU TERUS MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

The information provided in this disclosure sheet is valid as at DD-MM-YYYY.

*Maklumat disediakan dalam helaian pendedahan ini sah pada DD-MM-YYYY.*

**Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)**

Hong Leong MSIG Takaful Berhad is a member of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). As a member of PIDM, some of the benefits insured under the Takaful certificates offered by Hong Leong MSIG Takaful Berhad are protected against loss of part or all of the Takaful benefits by PIDM, in the unlikely event of an insurer member's failure. For further details of the protection limits and the scope of coverage, please obtain a PIDM information brochure from Hong Leong MSIG Takaful Berhad or visit PIDM's website ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) or call PIDM's toll free line (1-800-88-1266)./ *Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang dilindungi di bawah sijil Takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat Takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).*

**MEMBER**

